**KERAJAAN MALAYSIA** **LPKP**

# PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BIL. 3 TAHUN 2007

## PELANJUTAN LESEN BAS BERHENTI-HENTI YANG MENCAPAI HAD USIA 15 TAHUN

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 22 JUN 2007**

**SEMUA LPKP WILAYAH,**
**Semenanjung Malaysia.**

## PELANJUTAN LESEN BAS BERHENTI-HENTI YANG MENCAPAI HAD USIA 15 TAHUN

### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah bagi meluluskan pelanjutan tempoh lesen bas berhenti-henti yang mencapai had usia 15 tahun.

### LATAR BELAKANG

2. Pekeliling LPKP Bil: 14 Tahun 2005 menetapkan had usia sehingga 15 tahun bagi bas berhenti-henti. Bagi menyeragam kelonggaran yang diberikan oleh LPKP kepada pengusaha bas ekspres berhubung tempoh menggantikan bas yang telah mencapai had usia, pengusaha bas berhenti-henti juga perlu diberikan masa tambahan untuk menggantikan bas-bas yang telah genap had usia yang dibenarkan.

### TEMPOH PELANJUTAN LESEN YANG BOLEH DILULUSKAN

3. Bagi tujuan memberikan kelonggaran kepada pengusaha, Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Bil. 15 Tahun 2007 pada 29 Julai 2007 telah memutuskan untuk memberikan pelanjutan seperti berikut:

(i) Pelanjutan pertama untuk tempoh satu (1) tahun bagi bas berhenti-henti yang mencapai had usia 15 tahun; dan

(ii) Pelanjutan **terakhir** untuk tempoh satu (1) tahun jika pengusaha masih memerlukan tambahan masa untuk menyiapkan bas. Dokuman sokongan daripada syarikat pembina badan bas, institusi kewangan atau PUSPAKOM (mana yang berkaitan) wajib diserta bersama-sama borang permohonan. Tanpa dokumen sokongan tersebut permohonan adalah **ditolak**.

### TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**
**“ KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**

**(NAIMAH BINTI RAMLI)**
PENGARAH,
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI.

**OGOS 2007**

**Salinan kepada:**

Ketua Pegawai Eksekutif,
PUSPAKOM Sdn. Bhd.,
No. 553 A-E, Tingkat 3 & 4,
Batu 3 1/3, Jalan Ipoh,
**51200 KUALA LUMPUR**
(u.p: En. Aggus Salim Halmee b. Haidar)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengangkutan Jalan,
(Bahagian Teknik)
Aras 1-5, Blok D4, Parcel D,
**62502 PUTRAJAYA.**

**Edaran Dalaman:**

Y. Bhg. DatoôKSU

YB DatoôPengerusi LPKP

TKSU (P)

Pengarah (LPKP) Ibu Pejabat

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah
Pengarah (LPKP) Wilayah Timur
Pengarah (LPKP) Wilayah Utara
Pengarah(LPKP) Wilayah Selatan
} Sila tampal pekeliling ini pada papan kenyataan di pejabat LPKP Wilayah.

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,
Ibu pejabat.